



PERSATUAN RADIO AMATUR SELANGOR
(AMATEUR RADIO SOCIETY OF SELANGOR)

No Pendaftaran: PPM: SEL0627/07, PPP: SEL0149/07

UNDANG-UNDANG KECIL

KANDUNGAN

- 01 KEAHLIAN
- 02 JAWATANKUASA
- 03 PENGAMBILAN AHLI
- 04 HAK KEAHLIAN DAN TANGGUNGJAWAB
- 05 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI
- 06 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI
- 07 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG KECIL.

1. **KEAHLIAN**
Mereka yang mengisi borang menjadi ahli, membayar yuran masuk, membayar yuran tahunan dan kemudian diluluskan oleh Jawatankuasa mengikut undang-undang yang diwartakan oleh PERSATUAN serta menerima Surat Akuan Penertamaan Sebagai Ahli.
2. **JAWATANKUASA** ertinya jawatankuasa pengurusan yang dinamakan Pegawai PERSATUAN seramai Sembilan (9) orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
3. **PENGAMBILAN AHLI**
 - a) **PERSATUAN** ini terbuka kepada;
Semua waranegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, bayaran masuk dan yuran tahunan adalah seperti berikut:
Bayaran Masuk RM10
Ahli Biasa RM20 (*Yuran Tahunan*)
Ahli Bersekutu RM10 (*Yuran Tahunan*)
Ahli Semmur Hidup RM230.00 (*Yuran Semmur Hidup*)
 - b) Seorang yang tidak memiliki Sijil Operator Radio Amatir(AROC) yang sah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) boleh memohon menjadi ahli bersekutu.
 - c) Setiap pengambilan ahli hendaklah mendapat pengesahan dari salah seorang ahli PERSATUAN ini yang mempunyai no keahliannya 0001 hingga 0010 dan disokong oleh Bendahari dan dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budbicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
 - d) Seorang pelajar University atau Koleji-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Persatuan ini kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Nab Canselor Universiti yang berkenaan.
4. **HAK KEAHLIAN DAN TANGGUNGJAWAB**
 - a) Seorang ahli berhak menghadiri majlis persatuan, mengambil bahagian menyuarakan sebarang cadangan dan memegang jawatan dalam PERSATUAN mengikut saluran yang sah.
 - b) Tiap-tiap ahli adalah berhak menggunakan kemudahan dan nama persatuan yang mendapat kelulusan daripada jawatankuasa tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh PERSATUAN.
 - c) Setiap ahli dikehendaki tidak melibatkan diri didalam aktiviti jenayah, panahi undang-undang PERSATUAN dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pengurusan PERSATUAN serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).
 - d) Menjelaskan yuran tahunan dan lain-lain bayaran yang ditetapkan. Akur segala keputusan Mesyuarat.
 - e) Menjelaskan hubungan diantara sesama ahli dan berusaha menaikkan imej persatuan serta menjaga nama baik PERSATUAN.
5. **PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**
 - a) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli PERSATUAN hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya.
 - b) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang PERSATUAN atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik PERSATUAN boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

- c) Ahli Biasa juga apabila Sijil Operator Radio Amatur (AROC) menjadi tidak sah atas apa-apa sebab sekali pun dan tidak dapat memahaminya atas sebab-sebab peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia maka jawatan (yang sepatutnya yang berkaitan dengan taraf keahliannya) hak mengundi, mencadangkan dan mencajukan adalah terlucau.

- d) Mana-mana Ahli Biasa juga yang Sijil Operator Radio Amatur (AROC) terbatal atau menjadi tidak sah, maka jawatankuasa PERSATUAN dengan syor Setiausaha berhak memamatkan Keahliannya atau menurunkan taraf keahlian atau lain-lain tindakan.

6. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- a) Yang Dipertua, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani perincian mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari.
- b) Naib Yang Dipertua hendaklah memangku jawatan Yang Dipertua semasa ketiadaannya.
- c) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran PERSATUAN mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah mesyuarat agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua dan Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirinkan penyata tahunan PERSATUAN kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan, 1966.
- d) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan PERSATUAN. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua dan Setiausaha.
- e) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

7. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG KECIL.

- a) Di antara bertanggungjawab mesyuarat agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.
- b) Kecuali perkara-perkara yang bententangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung.



Mejar Ahmad bin Ali A.M.N
Yang Dipertua



Lukman Bin Adamed Rafie
Setiausaha

Bertarikh: 10/06/08